

27 APR 2001

Mahathir-Mokhzani

MAHATHIR KATA BELIAU TIDAK TAHU APA-APA MENGENAI KEPUTUSAN MOKHZANI

Oleh: Harlina Samson

DUBAI, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau tidak mengetahui apa-apa berhubung keputusan anaknya Datuk Mokhzani Mahathir untuk mengundurkan diri dalam bidang perniagaan.

"Saya dengar ini sahaja (Mokhzani undur diri), saya tak tahu apa-apa, jadi tak boleh komen, orang kata dia buat keputusan untuk undur diri, tak tahu kenapa," katanya ketika ditanya pemberita berhubung keputusan Mokhzani, Ketua Pegawai Eksekutif Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holding Bhd, mengundurkan diri daripada dunia korporat.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya selama dua hari ke Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Ketika ditanya bahawa alasan yang digunakan oleh Mokhzani bahawa beliau kecewa dengan tuduhan yang dilemparkan kepadanya akan menjejaskan imejnya dan Perdana Menteri, dan apa yang berlaku akan dikatakan sebagai sebuah lagi sandiwara, Dr Mahathir berkata:

"Tak apalah, masyarakat fitnah apa sahaja kita buat, mereka akan lempar fitnah dan akan ada tafsiran sendiri.

Mengenai alasan bahawa tuduhan yang dilemparkan akan menjejaskan imejnya sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui apa yang dilakukan anaknya yang boleh menjejaskan imejnya.

Bagaimanapun, beliau berkata memang ada tuduhan di Dewan Rakyat kononnya kontrak untuk membuat Pusat Pameran dan Persidangan Kebangsaan di Subang yang diberikan kepada Kamunting Berhad adalah dimiliki Mokhzani.

"Dia beritahu dia tidak membeli Kamunting Berhad, syarikat yang dibelinya adalah syarikat lain yang mempunyai kepentingan dalam Kamunting," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila dibuat perkiraan peratusan pegangan saham yang dimiliki Mokhzani hanya 0.2 peratus.

"Kalau orang miliki 0.2 peratus dalam perbadanan bermakna orang kampung yang membeli unit amanah saham melabur dalam syarikat gergasi macam Perbadanan Nasional Berhad (PNB) adalah juga memiliki perbadanan," katanya.

Ketika ditanya adakah beliau akur dengan keputusan Mokhzani, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui mengapa beliau menarik diri, jadi bagaimana beliau hendak akur atau tidak dengan keputusan itu.

Mengenai perasaannya, Dr Mahathir berkata : "Saya tidak tahu bagaimana harus saya rasakan kerana perniagaan beliau adalah urusan beliau."

"Apa yang penting bagi saya ialah beliau tidak mempunyai urusan perniagaan yang ada kaitan dengan kerajaan. Saya tahu bahawa beliau ada saham dalam sebuah syarikat yang mempunyai urusan perniagaan dengan hospital, itu sahaja," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata urusanniaga Mokhzani bukan melaluinya dan beliau juga tidak mempengaruhi sesiapa mengenainya.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi amalan semasa mesyuarat kabinet sekiranya terdapat apa-apa perkara yang melibatkan keluarganya beliau akan keluar.

"Saya keluar beberapa kali walaupun perkara yang dibincangkan itu tidak melibatkan keluarga saya secara langsung. Lebih baik saya keluar takut orang kata apa-apa pulak," katanya.

Mengenai lawatannya ke Dubai, Dr Mahathir berkata bahawa ia lebih berhasil daripada jangkaannya yang hanya ingin menyampaikan ucapan pada forum antarabangsa Emiriah dan melihat bandar Dubai.

Katanya terdapat peluang perniagaan yang boleh diceburi seperti bidang pelancongan, pengeksporan barangan dan industri seperti relau lebur aluminium yang menggunakan teknologi tempatan.

"Kita berminat dengan relau lebur aluminium kerana kita hendak menggunakan elektrik yang dijanakan oleh Projek Hidroelektrik Bakun. Kalau ada satu unit sebesar ini ia cukup untuk menggunakan semua tenaga yang dijanakan oleh Bakun," katanya selepas melawat hotel termewah di dunia, Durjburj Al-Arab, di sini.

Dr Mahathir berkata beliau mendapat maklumat mengenai relau lebur aluminium yang menggunakan teknologi tempatan dengan pengeluaran yang besar sebanyak 6,000 tan setahun.

Beliau berkata Malaysia juga boleh menjadikan Dubai sebagai satu pusat untuk pengeksporan barangannya di rantau Asia Barat kerana Dubai adalah seperti Singapura.

Beliau berkata banyak kegiatan di Dubai yang boleh disesuaikan dengan dasar perdagangan negara.

"Satu perkara yang jelas ialah kita tidak begitu tahu tentang keadaan di sini dan mereka juga tidak tahu tentang Malaysia jadi adalah penting untuk mengadakan lawatan supaya kita dapat mengenalpasti jenis hubungan dagangan yang boleh diadakan dengan mereka," katanya.

Mengenai Bandar raya Internet Dubai (DIC), Dr Mahathir berkata ia tidak akan menjadi masalah kepada Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kedua-duanya boleh wujud bersama berikutan pendekatan mereka yang berlainan.

Katanya MSC mengutamakan teknologi asli manakala DIC mengutamakan pelaburan daripada syarikat besar dalam bidang teknologi maklumat.

Menjawab soalan mengenai Pertubuhan Persidangan Islam yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 2003, Dr Mahathir berkata ia dapat memberi tumpuan kepada perkara tertentu berkenaan masalah negara Islam secara keseluruhannya dan tidak hanya perkara umum berhubung masalah negara masing-masing.

-- BERNAMA

HS NM AKD